



## **HRD CORP LANJUT TEMPOH BAYARAN LEVI PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA KEPADA 19 SEPTEMBER 2025**

**KUALA LUMPUR, 29 JULAI 2025** – Susulan pengumuman oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim mengenai cuti umum tambahan pada Isnin, 15 September 2025, bersempena sambutan Hari Malaysia, Human Resource Development Corporation (HRD Corp) memaklumkan bahawa tarikh akhir pembayaran levi pembangunan sumber manusia (PSM) untuk bulan Ogos 2025 telah dilanjutkan kepada Jumaat, 19 September 2025.

Langkah ini bertujuan untuk memberi kelonggaran kepada majikan berdaftar yang mungkin terkesan dengan cuti hujung minggu yang panjang.

Seperti yang termaktub di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) 2001, semua majikan berdaftar diwajibkan membuat pembayaran levi PSM pada atau sebelum 15 hari bulan bagi setiap bulan.

Justeru, selari dengan prinsip 3K (Kebajikan Pekerja, Kemahiran Pekerja dan Keberhasilan Pekerja) Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), khususnya Kebajikan Pekerja, langkah ini diambil sebagai sokongan kepada pengisytiharan cuti umum tambahan sebagaimana diumumkan Perdana Menteri pada 23 Julai 2025.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, majikan boleh menghubungi Talian Sokongan HRD Corp di 1300 88 4800 atau melalui e-mel di [support@hrdcorp.gov.my](mailto:support@hrdcorp.gov.my).

-Tamat-

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **Mengenai HRD Corp:**

Human Resource Development Corporation (HRD Corp), dahulunya dikenali sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM), telah ditubuhkan pada tahun 1993 dan kemudiannya diperbadankan sebagai Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) melalui penggubalan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), HRD Corp bertanggungjawab terhadap pungutan levi dari industri utama serta pengeluaran geran latihan melalui mekanik dalamannya, Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) atau Human Resources Development Fund (HRDF).

Penjenamaan semula HRD Corp pada 2021 merupakan cerminan tanggungjawab, hala tuju dan misi organisasi yang baharu. Ini termasuklah memperluas usaha peningkatan kemahiran dan kemahiran semula oleh majikan untuk para pekerja ke arah produktiviti yang lebih mapan.

Pembaharuan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada setiap individu warga Malaysia, malah turut memperkasakan komuniti yang memerlukan melalui peluang penjana pendapatan yang lebih inklusif.

Transformasi ini sejajar dengan cita-cita HRD Corp untuk memacu aspirasi pengembangan tenaga kerja negara yang berkemahiran tinggi untuk jangka panjang.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.hrdcorp.gov.my](http://www.hrdcorp.gov.my).